



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN  
PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**17 Ogos 2024  
12 Safar 1446H**

Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	• Ganjaran RM50 bagi setiap baung ekor merah ditangkap
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
The Sun	•
Malaysiakini	•
Bernamea	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF				NEGATIF		NEUTRAL	/	29	17-8-2024

## Ganjaran RM50 bagi setiap baung ekor merah ditangkap

**SHAH ALAM** - Ganjaran wang tunai diberikan kepada sesiapa yang berjaya menangkap ikan baung ekor merah atau BEM yang bertag di sekitar Sungai Rantau Panjang, Bestari Jaya.


Jabatan Perikanan (DOF) Negeri Selangor menerusi satu hantaran di laman Facebooknya memaklumkan, ganjaran sebanyak RM50 diberikan bagi setiap ekor ikan ditangkap termasuk maklumat tag dan tangkapan semula spesies ikan pemangsa berkenaan.

"Maklumat dikehendaki adalah masa dan tarikh ikan BEM ditangkap, panjang serta berat ikan tersebut dan kawasan ditemui, contohnya depan perangkap atau empangan," katanya.

Menurutnya, gambar ikan bersama tag dan nombor tag juga diperlukan selain nama serta akaun bank individu yang berjaya menangkap ikan tersebut.

"Ikan tidak perlu diserahkan kerana ia menjadi hak milik penangkap. Tarikh akhir melapor tag ialah pada 30 September 2024," tambahnya.

Sementara itu di **KUANTAN**, hampir 500 kilogram (kg) BEM berjaya ditangkap menerusi Pertandingan Moh Tangkap BEM di Pahang sejak 2022 hingga kini.



Baung ekor merah.

Pengarah Jabatan Perikanan Pahang, Abdullah Jaafar berkata, usaha tersebut diambil bagi membanteras dan mengurangkan populasi spesies ikan invasif itu di perairan sungai di negeri ini.

Di **SEREMBAN**, kerajaan Negeri Sembilan mengesan baung ekor merah di dua sungai iaitu Sungai Trilang di Jelevu dan Sungai Muar di Tampin.

Exco Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup Negeri Sembilan, Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata, lokasi berkenaan dikesan berdasarkan pemantauan bersama Jabatan Perikanan Negeri Sembilan dengan Komuniti Perikanan Darat dan Nelayan Darat.